

28 FEBRUARI 2018

Negeri Sembilan tekad mahu banteras dadah secara serius

KOSMO! RABU 28 FEBRUARI 2018

NEGARA 19

Negeri Sembilan tekad mahu banteras dadah secara serius

SEREMBAN – Kerajaan Negeri Sembilan memandang serius mengenai isu dadah di negeri itu dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membasmi musuh nombor satu negara itu.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, isu itu diberi tumpuan selepas Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya membanteras kegiatan judi siber dan judi haram secara menyeluruh di negeri ini.

“Sekarang ini kita hendak masuk ke tempat (bahagian) yang lebih serius lagi iaitu usaha untuk membanteras dadah setelah kejayaan kita membanteras judi siber.

“Aktiviti penyalahgunaan dadah yang mempunyai tiga peringkat iaitu pembekal, pengedar dan pengguna mesti dihapuskan dan disekat secara serius,” katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Warga PDRM Kontinjen Negeri Sembilan di sini malam kelmarin.

Hadir sama Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun; Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Noor Azam Jamaludin; Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Seri Mat Ali Hassan dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Pada majlis itu, Mohamad turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM565,000 kepada pihak polis Negeri Sembilan.



MOHAMAD (tengah) bergambar bersama Mohamad Fuzi (empat dari kiri) dan Khalid (lima dari kiri) dan warga PDRM Negeri Sembilan di Seremban kelmarin.